

## **BANTUAN PERUBATAN (LOGISTIK)**

### **OBJEKTIF**

Membantu meringankan beban kewangan bagi keperluan awal (Tambang, penginapan dan makanan sahaja) para pesakit Islam Fakir dan Miskin bagi menjalani rawatan perubatan.

### **KEKERAPAN**

Kadar bantuan diberi sekali sahaja.

### **SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**

1. Pemohon hendaklah penduduk Islam Sarawak atau Warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak sahaja.
2. Pemohon adalah terdiri dari Asnaf Fakir dan Miskin.
3. Pesakit yang telah dirujuk daripada pihak Hospital Kerajaan, Hospital Swasta atau Klinik Kesihatan Kerajaan untuk menjalani rawatan perubatan selanjutnya dengan mengemukakan Borang Akuan/Pengesahan Perubatan atau surat pengesahan perubatan daripada pihak Hospital Kerajaan, Hospital Swasta atau Klinik Kesihatan Kerajaan.
4. Permohonan dan dokumen hendaklah dihantar ke Tabung Baitulmal Sarawak dalam tempoh 90 hari (termasuk cuti Sabtu, Ahad dan Cuti Umum) dari tarikh temu janji atau rawatan.

### **DOKUMEN YANG DIPERLUKAN (JIKA BERKAITAN)**

1. Dokumen asas.
2. Borang Akuan/Pengesahan Perubatan Surat pengesahan daripada pihak Hospital Kerajaan, Hospital Swasta atau Klinik Kesihatan Kerajaan.
3. Salinan Kad atau Surat Temujanji Rawatan.
4. Bagi pembayaran melalui akaun pihak ketiga, hendaklah menggunakan Borang Kebenaran Akaun Pihak Ketiga.